SULIT
011
BAHASA MELAYU
PEMAHAMAN
TOV 2010
50 minit

JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

Disediakan Oleh:
Guru Akram, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu
dengan pembiayaan Kerajaan Negeri Terengganu

UJIAN TOV, 2010
TAHUN 6

BAHASA MELAYU - PEMAHAMAN
50 minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* ***40*** *soalan.*
2. *Jawab* ***semua*** *soalan.*
2. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu* **A, B, C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja,* **Hitamkan** *jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian* **hitamkan** *jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel.: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Arahan Am:
Kertas soalan ini mengandungi **40** *soalan. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan* **A, B, C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

Soalan 1 - 19

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan **jawapan** *yang* **paling sesuai.**

Soalan 1 *berdasarkan gambar di bawah*



1 Nelayan itu memiliki semangat waja _____ lautan mencari rezeki untuk menyara kehidupan keluarganya.

A meredah

B mengharungi

C menyeberangi

D membelah

2 "Tuan Guru Besar ada di pejabat? Saya ingin bertemu dengan _____ ", tanya pelawat kepada pengawal keselamatan yang bertugas.

A dia

B anda

C kamu

D beliau

3 "Kesungguhan kalian memberi _____ kepada saya untuk melipatgandakan usaha memajukan sekolah kita, " kata pengerusi PIBG sekolah itu.

A semangat

B harapan

C buah fikiran

D kepercayaan

4 Nadia sekeluarga _____ ke bandar Kuala Terengganu sejak rumah barunya siap dibina.

A berpindah

B bertukar

C bersiar-siar

D bernaung

5 Naemah _____ memilih jawapan yang tepat dalam peperiksaan kerana rangsangan jawapan hampir sama.

A gusar

B keliru

C kecewa

D risau

6 Raut mukanya _____ kerana memikirkan masalah keluarga yang bertimpa-timpa.

A muram

B cengkung

C ceria

D sinis

7 Rosmin termenung memikirkan peristiwa _____ yang masih terpahat di hatinya.

A sulit

B silam

C lama

D luput

8 Murid-murid Tahun 6 Bijak melakukan aktiviti regangan _____ menjalankan aktiviti seterusnya.

A sehingga

B sebelum

C sementara

D selagi

9 Encik Asrul tidak dibenarkan masuk _____ dewan kerana beliau datang lewat tetapi dia berusaha mendapat kebenaran daripada pihak penganjur.

A di

B ke

C dalam

D hingga

10 Dahi Zairul berdarah kerana terhantuk pada _____ meja semasa bermain kejar-kejar di dalam kelas.

A bahu

B pangkal

C bucu

D tepi

Soalan 11 *berdasarkan gambar di bawah.*



11 Sebuah kereta _____ kerosakan teruk akibat terbabas selepas melanggar sebatang pokok.

A alami

B dialami

C mengalami

D pengalaman

12 Gadis cantik sedang _____ fesyen terbaru rekaan Butik Balqis di atas pentas.

A peraga

B memperagakan

C meragakan

D ragakan

Soalan 13 *berdasarkan gambar di bawah*



13 _____ perabot dan hiasan di dalam rumah Datin Rahimah merupakan idea daripada juruhias syarikat beliau sendiri.

A Susun atur

B Reka letak

C Reka bentuk

D Daya usaha

14 Kumpulan penyelidik sedang _____ objek yang didakwa sebagai makhluk asing oleh orang ramai.

A mengamat-amati

B membelek-belek

C menguji-uji

D meninjau-ninjau

15 Keadaan _____ kerana membantah cadangan kerajaan untuk membangunkan kawasan penempatan mereka reda apabila _____ pasukan polis tiba di tempat kejadian setelah dihubungi oleh orang ramai.

A kusut-masai ... kaum-kerabat

B hiruk-pikuk ... kuncu-kuncu

C kelam-kabut ... ahli-ahli

D simpang-siur ... orang-orang

Soalan 16 *berdasarkan* gambar di bawah.



16 _____ orang ramai segera melintas ketika lampu isyarat bertukar menjadi hijau.

A Segerombolan

B Sepasukan

C Sekumpulan

D Sekelompok

17 Pak Mud mengandar _____ durian sambil memegang beberapa _____ petai pulang ke rumahnya.

A seikat .... papan

B segugus ... biji

C seulas ... buah

D sepangsa... buah

18 Encik Taha _____ apabila perniagaan yang diusahakannya mengalami kerugian besar.

A curi tulang

B patah kandar

C gulung tikar

D gadai janji

19 Keadaan keluarga Encik Rahimi _____ setelah kematiannya.

A seperti ayam berak kapur

B bagai anak ayam kehilangan ibu

C bagai telur di hujung tanduk

D seperti itik pulang petang

20 Jika tiada aral, saya dan keluarga akan berpindah ke Kuantan pada bulan hadapan.

Pilih **perkataan berlawan** bagi aral.

A halangan

B kesukaran

C kelapangan

D kesuntukan

21 Kita dapat melihat keindahan laut yang terbentang luas saujana mata memandang ketika berehat di tepian pantai itu.

Pilih **perkataan seerti** bagi terbentang.

A terhampar

B terbayang

C terbuka

D tergambar

Soalan 22 – 23

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** *dengan betul.*

22 **I** Kulit bayi yang baru lahir itu sangat halus.

II Permukaan lantai itu terasa halus selepas dicuci.

III Kain songket dipakai oleh pengantin itu sangat halus buatannya.

IV Lubang jarum itu sangat halus menyebabkan saya sukar memasukkan benang melaluinya.

A I dan II sahaja

B I, II dan III sahaja

C I, II dan IV sahaja

D I, III dan IV sahaja

23 **I** Hatinya mula terbenam setelah mendengar cerita sedih itu

II Bangkai bot karam itu dijumpai terbenam di dasar laut.

III Farra terpegun melihat keindahan matahari terbenam di kaki langit.

IV Kaki saya terbenam di dalam lumpur ketika melalui jalan yang becak itu.

A I dan II sahaja

B I, II dan III sahaja

C I, II dan IV sahaja

D II, III dan IV sahaja

24 *Pilih* ~~**ayat tanya**~~ jawapan *yang sesuai bagi ayat di bawah.*

Bagaimanakah awak menggunakan wang insentif yang disumbangkan itu?

A Wang itu sumbangan adik saya.

B Wang itu saya gunakan untuk membeli buku rujukan.

C Wang insentif itu banyak menyumbang saya dalam pelajaran.

D Menteri Besar telah menyampaikan wang itu dalam satu majlis khas.

25 *Pilih* **ayat tanya** *yang sesuai bagi ayat di bawah.*

Bandar Kuala Terengganu telah diwartakan sebagai Bandaraya Pesisir Air pada tahun lalu.

A Mengapakah bandar Kuala Terengganu dipilih sebagai Bandaraya Pesisir Air?

B Di manakah sebagai Bandaraya Pesisir Air telah diisytiharkan?

C Bilakah bandar Kuala Terengganu diisytiharkan sebagai Bandaraya Pesisir Air?

D Siapakah yang telah mewartakan bandar Kuala Terengganu sebagai Bandaraya Pesisir Air?

Soalan 26 – 27

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

26 Ani dan Ana bercadang belajar berkumpulan pada hari Sabtu depan di rumah Ana.

A Ani akan belajar berkumpulan pada hari Sabtu depan dengan Ana di rumahnya.

B Pada hari Sabtu depan, Ani dan Ana berhasrat belajar berkumpulan di rumah Ana.

C Di rumah Ana mereka berhasrat belajar berkumpulan, iaitu pada hari Sabtu depan.

D Ana dan Ani akan belajar berkumpulan pada hari Sabtu depan.

27 Perlawanan badminton antara Datuk Lee Chong Wei dan Lin Dan yang diadakan di Hong Kong telah berpihak kepada Datuk Lee Chong Wei.

A Datuk Lee Chong Wei dan Lin Dan telah memenangi perlawanan badminton yang diadakan di Hong Kong.

B Perlawanan badminton itu telah dimenangi oleh Lin Dan di Hong Kong.

C Datuk Lee Chong Wei telah berjaya mengalahkan Lin Dan dalam perlawanan badminton yang telah diadakan di Hong Kong.

D Lin Dan telah mengalahkan Datuk Lee Chong Wei dalam perlawanan badminton yang diadakan di Hong Kong.

Soalan 28 – 30

Pilih **ayat** *yang betul.*

28 **A** Ainul bukan memahami apa yang diajar oleh Cikgu Suriani

B Di hari minggu ibu selalu membawa saya ke Pasar Payang.

C Para-para guru dijemput hadir ke Hotel Mewah menghadiri jamuan perpisahan.

D Berbagai-bagai hadiah disediakan dalam pertandingan bercerita itu.

29 **I** Segala ekor binatang telah lari ke dalam hutan.

II Keropok yang dibiarkan terdedah itu telah menjadi lemau.

III Sikap saling tolong-menolong penting dalam memupuk semangat kejiranan.

IV Kejadian kemalangan di Lebuh Raya Pantai Timur telah mengorbankan lima nyawa.

A I dan II sahaja

B II dan III sahaja

C II dan IV sahaja

D III dan IV sahaja

30 **I** Beg sekolah yang baru dibelinya paling cantik sekali.

II Dia telah mengetahui rahsia kejayaan murid itu

III Terima kasih di atas segala pertolongannya.

IV Kami akan bercuti ke Pulau Perhentian pada minggu hadapan.

A I dan II sahaja

B II dan III sahaja

C II dan IV sahaja

D III dan IV sahaja

Soalan 31 - 35

KOTA KINABALU, 23 November 2009 - Setakat ini dua negeri iaitu Terengganu dan Sabah mencatatkan kes penyakit taun dengan masing-masing melaporkan 185 dan 18 kes positif taun semalam, kata Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

"Keadaan kolera penyakit taun terkawal di Sabah, jadi orang ramai tidak harus panik, tapi seperti biasa nasihat kita orang ramai hendaklah menjaga kesihatan dan kebersihan diri, dan berhati-hati semasa menangani pemakanan seharian," katanya kepada pemberita selepas melancarkan persidangan antarabangsa kedua mengenai Perubatan Desa 2009 di sini, hari ini.

Semalam, Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Nasir Tun Sakaran dipetik sebagai berkata 18 orang disahkan menghidap taun di Semporna dan menerima rawatan di hospital. Pasar ikan Semporna yang dipercayai punca jangkitan kuman taun ditutup sebagai *langkah pencegahan.* Rosnah mengesahkan laporan itu dan menyatakan 17 kes adalah di Semporna dan satu kes dari Pulau Gaya, dekat sini.

Beliau menjelaskan bahawa jangkitan penyakit taun di Terengganu adalah berbeza dengan Sabah kerana jenis kuman taun di negeri pantai timur Semenanjung itu berlainan dan tidak bertindak balas dengan antibiotik yang biasa digunakan untuk merawat penyakit taun. "Di Sabah, jenis kuman adalah yang biasa. Setakat ini pesakit-pesakit bertindak balas dengan antibiotik diberikan," katanya.

-Bernama (Harian Metro 23 November 2009)

31 Siapakah yang mengumumkan 18 orang disahkan menghidap taun di Semporna?

A Timbalan Menteri Kesihatan

B Datuk Nasir Tun Sakaran

C Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

D Penduduk Tempatan

32 Bagaimanakah orang ramai boleh mengelak daripada dijangkiti penyakit taun?

A mengamalkan diet pemakanan harian yang sihat seperti piramid makanan

B menghadiri seminar kesihatan yang dianjurkan di tempat anda

C mengetahui jenis antibiotik yang sesuai untuk kuman taun

D menjaga kesihatan, pemakanan dan kebersihan diri

33 Apakah punca utama penyakit ini merebak di Sabah?

A pasar ikan Semporna

B tindak balas dengan antibiotik.

C sikap penduduk yang tidak menjaga kesihatan

D kurang prihatin menangani pemakanan seharian

34 Pilih penyataan yang **tidak benar** tentang petikan

A Persidangan antarabangsa kedua mengenai Perubatan Desa 2009 dilancarkan oleh Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin

B Kuman taun di Semporna senang bertindak balas dengan antibiotik yang biasa digunakan untuk merawat penyakit taun

C Sehingga kini penyakit taun di Terengganu tidak boleh dirawat kerana tiada antibiotik.

D 17 kes taun di Sabah adalah di Semporna dan satu kes dari Pulau Gaya.

35 Rangkai kata *langkah pencegahan* dalam petikan bermaksud

A menghapuskan

B mengubati

C mengelak

D menjauhkan

Soalan 36 – 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Yang Berbahagia Tuan Pengerusi Majlis, yang berusaha Tuan Guru Besar, guru-guru penolong kanan, para hakim yang arif lagi bijaksana, guru-guru, tuan-tuan dan puan-puan serta rakan-rakan yang saya hormati.

Berdirinya saya di sini pada pagi ini adalah untuk menyampaikan sebuah syarahan yang bertajuk, "Pentingnya Unit-unit Beruniform di Sekolah".

Hadirin yang dihormati,

Unit-unit beruniform yang ditubuhkan di sekolah-sekolah merupakan aktiviti kokurikulum yang sangat penting. Ini terbukti apabila pelbagai unit beruniform ditubuhkan di sekolah seperti Pengakap, Tunas Puteri, Puteri Islam, Tunas Kadet Remaja Sekolah dan Bulan Sabit Merah Malaysia. Dalam menjayakan aktiviti unit beruniform ini, kerjasama antara ahli amatlah penting dan guru-guru adalah sebagai pemimpin untuk menggerakkannya.

Marilah kita *renung seketika*, mengapakah unit-unit itu ditubuhkan di sekolah-sekolah di Malaysia? Sebagai murid, kita mempunyai masa terluang selepas waktu sekolah. Masa inilah kita terdedah dengan gejala-gejala yang kurang sihat yang mungkin kita terlibat dalam kegiatan yang tidak diingini. Inilah sebabnya kita perlu menjadi ahli salah satu unit beruniform.

Guru-guru dan rakan-rakan,

Penglibatan dalam unit-unit beruniform diharap dapat menambahkan ilmu pengetahuan, belajar hidup di luar rumah, berdisiplin dan membimbing kita untuk menjadi warganegara yang berguna. Negara kita mempunyai penduduk yang berbilang kaum. Dengan adanya pelbagai kaum dalam sesuatu unit itu akan bertambah eratlah lagi hubungan antara ahli. Maka akan wujudlah sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu padu sebagaimana yang diwartakan Satu Malaysia.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, setakat ini sahajalah syarahan saya pada hari ini dan saya memohon maaf sekiranya ada salah dan silap dalam masa saya menyampaikan syarahan.

Sekian, terima kasih.

36 Mengapakah murid-murid perlu menyertai unit-unit beruniform di sekolah?

A Dapat bekerjasama dengan guru
B Melaksanakan arahan daripada guru pemimpin
C Menambah ilmu pengetahuan dan berdisiplin
D Terdedah dengan perkara yang kurang sihat

37 Tugas guru-guru pemimpin unit beruniform ialah

A Memastikan negara ada penduduk berbilang kaum
B Menjayakan pelbagai aktiviti unit beruniform
C Mewartakan Satu Malaysia
D Mewajibkan semua sekolah menubuh unit beruniform

38 Apakah harapan peserta pada akhir syarahannya?

A Memohon maaf jika terdapat kesalahan
B Berilmu dan dapat hidup berdikari
C Dapat mengisi masa yang terluang
D Menjadi ahli unit beruniform di sekolah

39 Rangkai kata *renung seketika* dalam petikan bermaksud

A meneliti betul-betul
B melihat sekali lagi
C beringat semula
D berfikir sekejap

40 Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan.

A Unit-unit beruniform merupakan salah satu aktiviti kurikulum.
B Ahli-ahli perlu bekerjasama untuk menjayakan aktiviti beruniform
C Murid mudah terdedah dengan gejala tidak baik selepas waktu sekolah
D Beruniform boleh mengeratkan ahli antara kaum